



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
BAHAGIAN KEWANGAN  
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

Tel : 03-8883 3269/3099/3362  
Faks : 03-8883 4389/4364/4395  
Web : <http://finance.moh.gov.my>



Ruj. Kami : (39)KKM.400-9/5/3  
Tarikh : 29 September 2020

## TINDAKAN SERTA MERTA

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Semua Pengarah Institusi  
Semua Setiausaha Bahagian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan,

### GARIS PANDUAN BERKAITAN PELAKSANAAN KUTIPAN CAJ UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI PINTU MASUK ANTARABANGSA DAN CAJ STESEN KUARANTIN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / tuan / puan sedia maklum, Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi Bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 dan Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan Dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin)(No. 2) 2020 telah diwartakan. Kerajaan telah mewajibkan semua warganegara dan warga asing atau *Person Under Surveillance* (PUS) yang memasuki Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 dan seterusnya kuarantin wajib selama empat belas (14) hari di mana-mana stesen kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Individu-individu berkenaan hendaklah menanggung apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan bagi layanan perubatan dan penyaraan semasa berada di stesen kuarantin tersebut sepertimana arahan Kerajaan yang berkuatkuasa. Fi ini berkuatkuasa mulai 24 Julai 2020.

3. Mesyuarat Khas Menteri-menteri Berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan PKP Bil 75/2020 yang telah diadakan pada 15 September 2020 telah memutuskan bahawa **individu warga asing** yang tiba di pintu masuk antarabangsa (PMA) akan dikenakan **caj kuarantin penuh tanpa subsidi Kerajaan dengan kadar bayaran sebanyak RM4,700.00**. Tarikh kuatkuasa pelaksanaan caj kuarantin penuh kepada pengembara warga asing adalah pada **24 September 2020**.

4. Sehubungan itu, bagi melancarkan urusan kutipan bayaran di PMA dan di stesen kuarantin, bersama-sama ini dikemukakan Garis Panduan Berkaitan Pelaksanaan Kutipan Caj Ujian Pengesanan Covid-19 Di Pintu Masuk Antarabangsa Dan Caj Stesen Kuarantin Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah dikemaskini berdasarkan arahan terbaru Majlis Keselamatan Negara dan Agensi Pengurusan Bencana Negara untuk rujukan petugas-petugas KKM. Kerjasama pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dimohon untuk mengedarkan garis panduan tersebut kepada semua PTJ di bawah seliaan masing-masing.


5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, KKM melalui emel n.athirah@moh.gov.my / marietta@moh.gov.my / murnirahayu@moh.gov.my atau hubungi talian 03-8883 3518/3063/3068. Sehubungan itu, surat KKM rujukan (32) KKM.400-9/1/3 Jld 15 bertarikh 30 Julai 2020, surat KKM rujukan (17) KKM.400-9/1/3 Jld 16 bertarikh 26 Ogos 2020 dan surat KKM rujukan (47) KKM.400-8/1/89 Jld. 13 bertarikh 1 September 2020 adalah **dibatalkan**.

6. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / tuan / puan berkenaan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. UZAILEE BIN ABDUL LATIF)**

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k    KSU  
      KPK  
      TKSU(P)  
      TKPK (Perubatan)  
      TKPK (Kesihatan Awam)  
      TKPK (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

## SENARAI EDARAN

1. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah  
**05400 Alor Setar**  
**KEDAH**
2. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
**15590 KOTA BHARU**  
**KELANTAN**
3. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Business City, Bandar MITC  
**75450 AYER KEROH**  
**MELAKA**
4. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
**30590 IPOH**  
**PERAK**
5. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh,  
**88590 KOTA KINABALU**  
**SABAH**
6. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1  
Wisma Sunway, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C  
Seksyen 9,  
**40100 SHAH ALAM**  
**SELANGOR**
7. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako  
93050 Kuching  
**SARAWAK**

8. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota  
25582 Kuantan  
**PAHANG**
9. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail,  
20920 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**
10. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Pulau Pinang  
Bangunan MARA, No. 33  
Jalan Pangkalan Weld,  
**10300 PULAU PINANG**
11. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi,  
01000 Kangar  
**PERLIS**
12. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Rasah,  
70300 Seremban  
**NEGERI SEMBILAN**
13. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek  
80590 Johor Bharu  
**JOHOR**
14. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya  
Jalan Cenderasari  
**50590 KUALA LUMPUR**
15. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan  
Peti Surat 80832  
**87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**GARIS PANDUAN BERKAITAN PELAKSANAAN KUTIPAN CAJ UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI PINTU MASUK ANTARABANGSA DAN CAJ STESEN KUARANTIN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

---

**A. PENGURUSAN *PERSON UNDER SURVEILLANCE* (PUS) DI PINTU MASUK ANTARABANGSA (PMA)**

1. Mana-mana individu warganegara atau warga asing yang memasuki Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) adalah diwajibkan untuk menjalani ujian saringan COVID-19 sebaik sahaja tiba di Malaysia. Individu tersebut adalah dirujuk sebagai *Person Under Surveillance* (PUS).
2. Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi Bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 telah menetapkan caj bagi ujian pengesanan COVID-19 di PMA sebagaimana berikut:

JENIS UJIAN	WARGANEGARA (RM)	WARGA ASING (RM)
Tindak Balas Berantai Polimerase (PCR)	150	250
Kit Ujian Pantas Antigen	60	120

3. Bagi PUS yang gagal ujian saringan, mereka akan dihantar ke hospital untuk menerima rawatan.
4. **PUS warganegara** yang lulus ujian saringan akan diarahkan ke kaunter bayaran untuk menjelaskan caj ujian pengesanan COVID-19 pertama. Bayaran boleh dibuat secara tunai / kad kredit / kad debit. Bagi mana-mana PUS warganegara yang tidak mampu menjelaskan bayaran caj ujian pengesanan COVID-19 pertama, mereka akan diberi Slip Tangguh Bayaran dan bayaran boleh dibuat di stesen kuarantin. Slip tangguh bayaran adalah sebagaimana di **LAMPIRAN A**.
5. PKD yang menerima bayaran ujian pengesanan COVID-19 pertama bagi PUS yang mempunyai Slip Tangguh Bayaran, perlu memaklumkan PKD yang mengeluarkan Slip Tangguh Bayaran bahawa individu tersebut telahpun membuat bayaran.
6. **PUS warga asing** perlu menjelaskan caj ujian pengesanan COVID-19 pertama dan caj kuarantin di kaunter bayaran PMA. Jumlah keseluruhan caj yang perlu

dibayar oleh PUS warga asing adalah sebanyak RM4820 atau RM4950 seperti berikut:

- (i) RM2100 untuk kos kuarantin;
- (ii) RM2600 untuk caj tetap bagi pengoperasian stesen kuarantin; dan
- (iii) RM120 atau RM250 bagi caj ujian pengesanan COVID-19.

Mereka yang gagal menjelaskan bayaran hendaklah diserahkan kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk dikenakan Perintah *Not-To-Land* (NTL).

7. Semua PUS perlu melalui proses semakan *Letter of Undertaking and Indemnity* (LOU) oleh JIM. Bagi PUS yang tidak mempunyai LOU dan tidak mampu membayar caj kuarantin:
  - (a) PUS warganegara perlu mengisi borang permohonan pengecualian. Borang permohonan pengecualian boleh diperolehi daripada petugas di PMA atau <http://covid-19.moh.gov.my/>. Mereka seterusnya akan dihantar ke stesen kuarantin Institut Latihan Awam (ILA) untuk menjalani kuarantin wajib; dan
  - (b) PUS warga asing akan dikenakan Perintah NTL.
8. PMA perlu menyediakan borang pengecualian yang dicetak di kaunter pembayaran.
9. PUS yang mempunyai LOU dan mampu membayar caj kuarantin dibenarkan untuk menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di hotel.
10. Carta alir pengurusan PUS (warganegara) adalah di **LAMPIRAN B** manakala carta alir pengurusan PUS (warga asing) adalah di **LAMPIRAN C**.

## **B. PENGURUSAN CAJ DI STESEN KUARANTIN (QS) – INSTITUT LATIHAN AWAM (ILA)**

1. PUS warganegara perlu membuat bayaran penuh stesen kuarantin pada hari kemasukan. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak mampu, PUS boleh memohon pengecualian melalui borang pengecualian yang boleh diperolehi di PMA atau di stesen kuarantin.

2. Pada hari pertama kemasukan PUS ke stesen kuarantin, petugas KKM perlu **memaklumkan kepada PUS** perkara-perkara berikut:

- (a) bayaran caj kuarantin perlu dijelaskan pada hari ke-13 sekiranya permohonan pengecualian tidak diluluskan atau masih dalam pertimbangan KKM / Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) / Pejabat Kesihatan Daerah (PKD); dan
- (b) PUS yang membayar caj kuarantin boleh memohon semula bayaran yang telah dibuat sekiranya permohonan pengecualian caj kuarantin mereka diluluskan.

3. Pengenaan caj di ILA adalah seperti jadual di bawah

	KATEGORI PUS	CAJ ILA SEHARI (RM)	
		Warganegara	Warga Asing
a.	Individu pertama	100.00	150.00
b.	Individu kedua yang dibenarkan berkongsi bilik dengan individu pertama. Contoh: Suami dan isteri / PUS yang mempunyai masalah kesihatan / penjagaan kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan ke bawah / penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) / lain-lain sebab.	50.00	50.00
c.	Kanak-kanak yang berumur enam (6) tahun dan ke bawah.	Percuma	50.00

4. Petugas KKM perlu mengambil tindakan berikut pada **hari ke-13**:

- (a) Petugas KKM perlu menyemak resit bayaran ujian pengesanan COVID-19 (pertama) PUS sebagai bukti bayaran telah dibuat. Sekiranya PUS masih belum membuat bayaran dan telah diberi slip penangguhan, kutipan bagi bayaran ujian pengesanan COVID-19 perlu dibuat.
- (b) Membuat kutipan bayaran ujian pengesanan COVID-19 kedua setelah PUS menjalani ujian tersebut; dan
- (c) Membuat kutipan bayaran caj kuarantin bagi PUS yang tidak diluluskan pengecualian atau bagi PUS yang permohonan mereka masih dalam proses semakan oleh KKM.

5. Caj bagi ujian pengesanan COVID-19 pada hari ke-13 di stesen kuarantin adalah seperti berikut:

JENIS UJIAN	WARGANEGARA (RM)	WARGA ASING (RM)
Kit ujian pantas antibodi	30	60

6. Sekiranya PUS enggan membuat bayaran pada hari ke-13, laporan beserta senarai PUS yang tidak membayar kos kuarantin perlu dikemukakan kepada Pegawai Berkuasa KKM (Pegawai Kesihatan Persekitaran / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran) atau Polis Di Raja Malaysia (PDRM) untuk tindakan lanjut.
7. Carta alir pengurusan caj di stesen kuarantin (ILA) adalah seperti di **LAMPIRAN D**. Borang pemberitahuan PUS yang gagal menjelaskan kos kuarantin adalah seperti di **LAMPIRAN E**.

### C. PENGURUSAN CAJ DI STESEN KUARANTIN (QS) – HOTEL

1. KKM adalah bertanggungjawab untuk mengutip caj ujian pengesanan COVID-19 pada hari ke-13 bagi PUS yang menjalani kuarantin di hotel yang diwartakan sebagai stesen kuarantin.
2. Sekiranya terdapat situasi di mana PUS yang telah dikecualikan daripada membayar kos kuarantin ditempatkan di hotel, tuntutan kos kuarantin tersebut perlu dibuat oleh pihak hotel kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) masing-masing. Manakala tuntutan kos kuarantin bagi stesen kuarantin di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga 30 September 2020 perlu dikemukakan oleh pihak hotel kepada NADMA. Selepas tarikh tersebut, pembayaran adalah melalui SUK Selangor dan NADMA mengikut lokasi stesen kuarantin.
3. Caj kuarantin di hotel adalah seperti berikut:

	KATEGORI PUS	CAJ SEHARI (RM)
a.	Individu pertama	150.00
b.	Individu kedua yang dibenarkan berkongsi bilik dengan individu pertama. Contoh: Suami dan isteri / PUS yang mempunyai masalah kesihatan / penjagaan kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan ke bawah / penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) / lain-lain sebab.	50.00

	KATEGORI PUS	CAJ SEHARI (RM)
c.	Kanak-kanak yang berumur enam (6) tahun dan ke bawah.	Percuma

4. Carta alir pengurusan kutipan caj ujian pengesanan COVID-19 di stesen kuarantin (hotel) adalah seperti di **LAMPIRAN F**.

#### **D. PENGURUSAN CAJ KUARANTIN SEAFARERS**

1. Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara Bilangan 18 Tahun 2020 telah menetapkan agar golongan pelaut (*seafarers*) yang memasuki Malaysia melalui PMA perlu melalui proses kuarantin selama empat belas (14) hari.
2. Pelaut (*seafarers*) dikenakan jumlah kos kuarantin seperti berikut:
  - (a) Seafarers warganegara : RM2100 (RM150 x 14 hari) – kuarantin di hotel  
: RM1400 (RM100 x 14 hari) – kuarantin di ILA
  - (b) Seafarers warga asing : RM4700 (samada kuarantin di hotel atau ILA).
3. Caj yang dinyatakan pada perenggan 2 di atas tidak termasuk caj ujian pengesanan COVID-19 yang perlu dijalani oleh pelaut (*seafarers*) pada hari pertama dan hari ke-13.
4. *Seafarer* yang dibenarkan berkongsi bilik boleh dikenakan caj RM100 (bagi yang menjalani kuarantin di ILA) atau RM150 (bagi yang menjalani kuarantin di hotel) bagi individu pertama dan RM50.00 bagi individu kedua.

#### **E. PENGECUALIAN CAJ UJIAN PENGESANAN COVID-19**

1. Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi Bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 – Penetapan Fi Oleh Menteri Kesihatan telah menyatakan golongan-golongan berikut dikecualikan daripada membayar caj tersebut:
  - (a) **Pegawai Kerajaan** yang memasuki Malaysia dari luar negara atas tugas rasmi di luar negara dan hendaklah mengemukakan surat arahan rasmi berhubung perkara tersebut sebagai bukti;
  - (b) **OKU warganegara Malaysia** yang memasuki Malaysia dari luar negara dan hendaklah mengemukakan kad OKU yang sah yang dikeluarkan oleh JKM; dan

- (c) **Pelajar warganegara Malaysia**, persendirian atau yang mempunyai penajaan yang memasuki Malaysia dari luar negara kali pertama dan hendaklah mengemukakan apa-apa bukti yang sah berkenaan dengan pengajiannya.
- 2. Selain daripada kategori disebutkan di atas, pengecualian caj ujian pengesanan COVID-19 turut diberikan kepada individu banduan yang baru sahaja dilepaskan dan tidak mempunyai sumber kewangan. **Pengecualian bagi caj ujian pengesanan COVID-19 adalah tidak termasuk caj kuarantin.**

#### **F. PENGECUALIAN CAJ KUARANTIN DI STESEN KUARANTIN (QS)**

- 1. Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan Dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin)(No. 2) 2020 telah menyenaraikan kategori-kategori individu (warganegara Malaysia) yang berikut adalah dikecualikan daripada membayar kos kuarantin iaitu:
  - (a) Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*];
  - (b) Warganegara Malaysia daripada golongan B40;
  - (c) Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri atau anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan B40 yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan B40 itu;
  - (d) Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada golongan B40;
  - (e) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam (6) tahun dan ke bawah;
  - (f) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri; dan
  - (g) Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada pendapatan.
- 2. Individu-individu warganegara Malaysia berikut semasa ketibaan di PMA akan mendapat pengecualian secara automatik dengan syarat mengemukakan borang pengecualian di **LAMPIRAN G** beserta dokumen pembuktian kepada

petugas KKM di kaunter bayaran. Kelulusan pengecualian tersebut boleh diberikan oleh pegawai KKM Gred 19 dan ke atas iaitu kepada:

- (i) Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];
  - (ii) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam (6) tahun dan ke bawah;
  - (iii) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri; dan
  - (iv) Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada pendapatan.
3. Individu-individu warganegara yang mengisytiharkan diri kurang berkemampuan untuk membuat bayaran caj kuarantin hendaklah mengisi **borang permohonan pengecualian** (mengikut kategori) semasa ketibaan di PMA dan **mengemukakan dokumen sokongan** bagi mendapatkan kelulusan pengecualian. Individu-individu tersebut akan dihantar ke stesen kuarantin di ILA. Borang permohonan pengecualian dan senarai semak dokumen sokongan mengikut kategori PUS adalah seperti berikut:

BIL.	KUMPULAN ORANG YANG DIBERI PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN	LAMPIRAN
a.	Warganegara Malaysia daripada golongan B40.	LAMPIRAN H
b.	Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri atau anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan B40 yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan B40 itu.	LAMPIRAN H
c.	Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada golongan B40.	LAMPIRAN I

4. Permohonan pengecualian mestilah diproses dalam masa 13 hari dari tarikh borang dan dokumen sokongan lengkap diterima.
5. Kelulusan pengecualian boleh diberikan oleh pegawai **gred 22 dan ke atas** daripada Bahagian Kewangan, KKM atau Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah.

1. Sekiranya permohonan pengecualian yang dikemukakan oleh PUS masih dalam proses semakan dan belum mendapat kelulusan dari KKM pada hari ke-13, kutipan bayaran caj keseluruhan kuarantin perlu dibuat daripada PUS sebanyak RM1,400.00 bagi PUS yang menjalani kuarantin wajib di ILA dan RM2100.00 bagi PUS yang menjalani kuarantin wajib di hotel. Sekiranya PUS mengisytiharkan diri benar-benar tidak mampu untuk membayar caj penuh kuarantin, PUS boleh membuat bayaran sebanyak 50% daripada jumlah keseluruhan caj atas pertimbangan pegawai KKM yang bertugas di stesen kuarantin pada hari ke-13 dengan menggunakan borang di **LAMPIRAN J**. Bayaran balik kepada PUS akan dibuat setelah keputusan kelulusan diperolehi. Bagi PUS yang tidak diluluskan permohonan, tuntutan 50% baki bayaran caj kuarantin hendaklah dibuat oleh PKD. PUS boleh membuat bayaran di PKD terhampir. Sehubungan itu, **bayaran secara ansuran** sepertimana dinyatakan di perenggan 23 pada surat KKM rujukan KKM.400-9/1/3 Jld 16 (1) bertarikh 12 Ogos 2020 adalah **dibatalkan**.
2. Golongan B40 adalah berdasarkan definisi Nasional iaitu mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah **di bawah RM4,849.00\***. Semakan juga boleh dibuat melalui penyata pendapatan / slip gaji bulanan / portal <https://bsh.hasil.gov.my/>. Bagi individu yang tidak mempunyai slip gaji atau bekerja sendiri dan tidak berdaftar sebagai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH), mereka hendaklah mengemukakan surat akuan bersumpah menyatakan bahawa tidak berkemampuan.
3. Individu warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara yang perlu melengkapkan tempoh kuarantin melebihi dari 14 hari (bagi kes melibatkan pemanjangan tempoh kuarantin seperti penggenapan tempoh kuarantin dan menunggu keputusan pengujian COVID-19 bayaran kuarantin bagi hari ke-15), tidak perlu dikenakan kos kuarantin bagi tempoh hari ke-15 dan seterusnya. Kos kuarantin individu tersebut akan ditanggung oleh Kerajaan. Sekiranya PUS menjalani kuarantin di hotel bagi kuarantin hari ke-15 dan seterusnya, tuntutan kos kuarantin bagi hari ke-15 dan seterusnya tersebut perlu dikemukakan oleh pihak hotel kepada NADMA / SUK negeri masing-masing.
4. Bagi kes-kes rayuan pengecualian bayaran oleh warganegara yang pulang dari luar negara yang terkandas di negara tersebut sehingga kehabisan sumber kewangan atau bagi kes warganegara yang diberhentikan kerja, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada **pengecualicovid@moh.gov.my** untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Kesihatan. Pemohon perlulah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti di **LAMPIRAN K**.
5. Pegawai Kerajaan yang telah tamat bertugas dan kembali ke Malaysia dikehendaki membayar caj kuarantin seperti yang telah ditetapkan mengikut

arahan yang telah berkuatkuasa. Permohonan tuntutan bayaran caj kuarantin boleh dibuat kepada jabatan / Kementerian masing-masing.

6. Caj kuarantin dikenakan secara berasingan daripada caj ujian pengesanan COVID-19. **Pengecualian caj kuarantin adalah tidak termasuk caj ujian pengesanan COVID-19** samada ujian pengesanan yang pertama mahupun ujian pengesanan COVID-19 pada hari ke 13.

#### **G. PROSEDUR TUNTUTAN BAYARAN BALIK CAJ KUARANTIN**

1. PUS warganegara yang telah diluluskan permohonan pengecualian dan telah pun membayar caj kuarantin di hotel hendaklah membuat sebarang tuntutan kepada pihak hotel atau membuat tuntutan bayaran balik kepada KKM bagi PUS warganegara yang berada di stesen kuarantin ILA. Manakala PUS warga asing yang telah membuat bayaran penuh caj kuarantin bagi stesen kuarantin hotel di PMA tetapi tidak menduduki stesen kuarantin hotel sehingga 14 hari kerana didapati positif COVID-19, boleh membuat tuntutan bayaran balik kepada KKM.
2. Selaras dengan AP87(b), apa-apa pulangan balik hasil dari amaun RM1,000 sehingga RM50,000 memerlukan kebenaran Pegawai Pengawal.
3. PUS yang telah membayar caj kuarantin adalah dibenarkan untuk memohon Pulangan Balik Hasil di bawah AP87(b) sekiranya permohonan pengecualian caj kuarantin mereka diluluskan menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN L**. Carta alir prosedur tuntutan bayaran balik caj kuarantin adalah seperti di **LAMPIRAN M**.
4. Tuntutan bayaran balik kepada PUS dibuat di bawah kod 15999 – Elaun-elaun Lain.

*Letterhead***SLIP PEMAKLUMAN PENANGGUHAN BAYARAN UJIAN COVID-19**

Dikeluarkan oleh: \_\_\_\_\_

JENIS UJIAN	:	RTK / PCR
JUMLAH BAYARAN	:	
NAMA PUS	:	
NO. KAD PENGENALAN / PASSPORT	:	
ALAMAT	:	
BAYARAN AKAN DIBUAT DI STESEN KUARANTIN / PKD	:	

DISAHKAN OLEH:

.....  
(Nama: \_\_\_\_\_ )

Pegawai Kesihatan

Pejabat Kesihatan:  
\_\_\_\_\_*Letterhead***SLIP PEMAKLUMAN PENANGGUHAN BAYARAN UJIAN COVID-19**

Dikeluarkan oleh: \_\_\_\_\_

JENIS UJIAN	:	RTK / PCR
JUMLAH BAYARAN	:	
NAMA PUS	:	
NO. KAD PENGENALAN / PASSPORT	:	
ALAMAT	:	
BAYARAN AKAN DIBUAT DI STESEN KUARANTIN / PKD	:	


DISAHKAN OLEH:


.....  
(Nama: \_\_\_\_\_ )

Pegawai Kesihatan


Pejabat Kesihatan:

**CARTA ALIR PENGURUSAN PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS)  
WARGANEGARA DI PINTU MASUK ANTARABANGSA (PMA)**




**CARTA ALIR PENGURUSAN *PERSON UNDER SURVEILLANCE* (PUS) WARGA ASING DI PINTU MASUK ANTARABANGSA (PMA)**

**CARTA ALIR PENGURUSAN PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS) DI  
STESEN KUARANTIN – INSTITUT LATIHAN AWAM (ILA)  
(BAGI PUS YANG MEMOHON PENGECUALIAN CAJ KUARANTIN)**



**CARTA ALIR PENGURUSAN PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS) DI  
STESEN KUARANTIN – INSTITUT LATIHAN AWAM (ILA)  
(BAGI PUS YANG TIDAK MEMOHON PENGECUALIAN CAJ KUARANTIN)**





Kepada :  
Pegawai Diberikuasa

PKD.....

**PEMBERITAHUAN *PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS)* YANG GAGAL MENJELASKAN KOS BAGI LAYANAN PERUBATAN DAN PENYARAAN DI STESEN KUARANTIN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LAYANAN PERUBATAN DAN PENYARAAN ORANG YANG DIPINDAHKAN KE STESEN KUARANTIN ) 2020**

Berikut disertakan maklumat *PUS* yang gagal menjelaskan kos bagi layanan perubatan dan penyaraan di stesen kuarantin untuk tindakan tuan.

<b>NAMA</b>	
<b>NO KAD PENGENALAN / PASSPORT</b>	
<b>ALAMAT SURAT MENYURAT</b>	
<b>NO TELEFON</b>	
<b>TARIKH MASUK KUARANTIN</b>	
<b>TARIKH TAMAT KUARANTIN</b>	
<b>JUMLAH BELUM BAYAR</b>	
<b>STESEN KUARANTIN</b>	

Dilaporkan oleh:

Nama :

Jawatan:

Tarikh :


Diterima oleh

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

**CARTA ALIR PENGURUSAN KUTIPAN CAJ UJIAN PENGESANAN COVID-19  
BAGI *PERSON UNDER SURVEILLANCE* (PUS) (WARGANEGARA) DI STESEN  
KUARANTIN – HOTEL**



## LAMPIRAN G

**Permohonan pengecualian bayaran kos kuarantin bagi kategori:**

- i) OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;**
- ii) Kanak-kanak (warganegara) berumur enam (6) tahun dan ke bawah;**
- iii) Kanak-kanak (warganegara) berumur 12 tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri; dan**
- iv) Bekas banduan yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara.**

**BORANG PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KATEGORI OKU  
/ KANAK-KANAK WARGANEGARA 6 TAHUN KE BAWAH/ KANAK-KANAK  
WARGANEGARA 12 TAHUN DAN KE BAWAH (PULANG BERSENDIRIAN) /  
BEKAS BANDUAN**

BUTIRAN PERIBADI PUS		
NAMA		
NO. KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO. PASSPORT		
JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
NO. TEL		
EMEL		
PASANGAN		
NAMA		
NO. KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO. PASSPORT		
STESEN KUARANTIN (QS)		
TEMPAT KUARANTIN		
TARIKH KEMASUKAN		
<b>PENGAKUAN PEMOHON:</b> Semua maklumat yang diberikan pada Borang Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan sekiranya didapati keterangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah <b>TERBATAL</b> . *Sila sertakan dokumen pembuktian sepertimana senarai semak dokumen sokongan di lampiran.		
..... (TANDATANGAN PUS)		
NAMA :		
TARIKH :		
PENGESEHAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN (PEGAWAI KKM GRED 19 DAN KE ATAS)		
KEPUTUSAN	DILULUSKAN	TIDAK DILULUSKAN
..... (TANDATANGAN PEGAWAI PELULUS)		
NAMA :		
TARIKH :		
COP :		

## SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN

DOKUMEN	PEMOHON (PUS)	PETUGAS KKM / APM
<b>A. OKU yang berdaftar dengan JKM:</b>  a. Kad OKU yang berdaftar dengan JKM.  b. Kad pengenalan / passport.	<input data-bbox="979 416 1078 472" type="checkbox"/>  <input data-bbox="979 483 1078 539" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1222 416 1321 472" type="checkbox"/>  <input data-bbox="1222 483 1321 539" type="checkbox"/>
<b>B. Kanak-kanak (warganegara) berumur enam (6) tahun dan ke bawah:</b>  a. Salinan sijil lahir yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara / passport.	<input data-bbox="979 701 1078 757" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1222 701 1321 757" type="checkbox"/>
<b>C. Kanak-kanak (warganegara) berumur dua belas (12) tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri:</b>  a. Salinan sijil lahir yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara / passport.	<input data-bbox="979 999 1078 1055" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1222 999 1321 1055" type="checkbox"/>
<b>D. Bekas banduan yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara:</b>  a. Kad pengenalan/passport;  b. Surat pelepasan penjara (tempoh sah dari bulan Mac 2020).	<input data-bbox="979 1290 1078 1346" type="checkbox"/>  <input data-bbox="979 1357 1078 1413" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1222 1290 1321 1346" type="checkbox"/>  <input data-bbox="1222 1357 1321 1413" type="checkbox"/>

## LAMPIRAN H

**Permohonan pengecualian bayaran kos kuarantin bagi kategori:**

- i) Warganegara Malaysia daripada golongan B40**
- ii) Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri atau anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan B40 yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan B40 itu.**

**BORANG PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KATEGORI INDIVIDU /  
KELUARGA B40**

BUTIRAN PERIBADI PUS		
NAMA		
NO. KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO. PASSPORT		
JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
NO. TEL		
EMEL		
PASANGAN		
NAMA		
NO. KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO. PASSPORT		
MAKLUMAT PENDAPATAN DAN TANGGUNGAN		
PENDAPATAN BULANAN SUAMI DAN ISTERI	Pendapatan bulanan	:
	Pendapatan dari sumber lain	:
	Bilangan tanggungan	:
SENARAI TANGGUNGAN (IBU BAPA / PASANGAN / ANAK BAWAH 18 TAHUN)	<u>Nama</u>	<u>No. Kad Pengenalan</u>
	1)	
	2)	
	3)	
	4)	
STESEN KUARANTIN (QS)		
TEMPAT KUARANTIN		
TARIKH KEMASUKAN		
<b>PENGAKUAN PEMOHON:</b>		
Semua maklumat yang diberikan pada Borang Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan sekiranya didapati keterangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah <b>TERBATAL</b> .		
*Sila sertakan dokumen pembuktian sepertimana senarai semak dokumen sokongan di lampiran.		
	.....	
	(TANDATANGAN PUS)	
NAMA :		
TARIKH :		
PENGESAHAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN (PEGAWAI KKM GRED 22 DAN KE ATAS)		
KEPUTUSAN	DILULUSKAN	TIDAK DILULUSKAN
	.....	
	(TANDATANGAN PEGAWAI PELULUS)	
NAMA :		
TARIKH :		
COP :		

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN  
KATEGORI INDIVIDU / KELUARGA B40**

DOKUMEN	PEMOHON (PUS)	PETUGAS KKM / APM
a. Kad pengenalan (Mykad)/ passport PUS	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Dokumen pengesahan ibu bapa / pasangan / anak-anak.		
(i) Sijil nikah / perkahwinan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(ii) Kad pengenalan ibu bapa / pasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(iii) Sijil kelahiran (anak).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Dokumen pengesahan sebagai golongan B40 (slip penyata gaji / salinan penyata akaun bank / pengesahan pendapatan bagi mereka yang tidak berkerja)		
(i) Slip penyata gaji; atau	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(ii) salinan penyata akaun bank; atau	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(iii) pengesahan pendapatan (tidak bekerja).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	LENGKAP	TIDAK LENGKAP
TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA	..... (TANDATANGAN)  NAMA : TARIKH :	

## LAMPIRAN I

**Permohonan pengecualian bayaran kos kuarantin  
bagi kategori pelajar yang merupakan warganegara  
Malaysia daripada golongan B40.**

**BORANG PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KATEGORI PELAJAR  
YANG MERUPAKAN WARGANEGARA MALAYSIA DARIPADA GOLONGAN B40**

BUTIRAN PERIBADI PUS		
NAMA		
NO. KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO. PASSPORT		
JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
NO. TEL		
EMEL		
MAKLUMAT TEMPAT BELAJAR		
NAMA UNIVERSITI		
NEGARA TEMPAT PENGAJIAN		
TAHUN PENGAJIAN		
MAKLUMAT IBU BAPA / PENJAGA		
NAMA IBU / BAPA / PENJAGA YANG SAH		
NO. KAD PENGENALAN		
PENDAPATAN BULANAN IBU DAN BAPA	Pendapatan bulanan : Pendapatan dari sumber lain : Bilangan tanggungan :	
SENARAI TANGGUNGAN IBU DAN BAPA	<u>Nama</u> 1) 2) 3) 4)	<u>Hubungan</u>    <u>No. kad pengenalan</u>
STESEN KUARANTIN (QS)		
TEMPAT KUARANTIN		
TARIKH KEMASUKAN		
<b>PENGAKUAN PEMOHON:</b> Semua maklumat yang diberikan pada Borang Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan sekiranya didapati keterangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah <b>TERBATAL</b> . *Sila sertakan dokumen pembuktian sepertimana senarai semak dokumen sokongan di lampiran.		
..... (TANDATANGAN PUS)		
NAMA :		
TARIKH :		
PENGESAHAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN (PEGAWAI KKM GRED 22 DAN KE ATAS)		
KEPUTUSAN	DILULUSKAN	TIDAK DILULUSKAN
..... (TANDATANGAN PEGAWAI PELULUS)		
NAMA :		
TARIKH :		
COP :		

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN  
KATEGORI PELAJAR YANG MERUPAKAN WARGANEGARA MALAYSIA  
DARIPADA GOLONGAN B40**

DOKUMEN	PEMOHON (PUS)	PETUGAS KKM / APM
a. Kad pengenalan (Mykad) / passport PUS.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Dokumen pengesahan tempat pengajian	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Dokumen pengesahan sebagai golongan B40.		
(i) Slip penyata gaji ibu bapa; atau	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(ii) Pengesahan sebagai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH); atau	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(iii) Surat akuan sumpah sekiranya ibu bapa berpendapatan sendiri.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d. Akuan sumpah sekiranya PUS di bawah jagaan bukan ibu bapa atau sijil pendaftaran pengangkatan anak angkat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	LENGKAP	TIDAK LENGKAP
<b>TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA</b>	<p>.....</p> <p><b>(TANDATANGAN)</b></p> <p><b>NAMA :</b></p> <p><b>TARIKH :</b></p>	

**SLIP BAYARAN (SEPARUH) CAJ KUARANTIN PADA HARI KE-13**  
(salinan PUS)

NAMA PUS	:	
NO. KAD PENGENALAN / PASSPORT	:	
NO. TELEFON	:	
EMEL	:	
ALAMAT	:	
BAYARAN DIBUAT DI STESEN KUARANTIN / PKD	:	
JUMLAH BAYARAN	:	

**DISAHKAN OLEH:** Saya mengesahkan bahawa PUS ini tidak mampu membayar caj penuh kuarantin.

..... (tanda tangan)

**Nama :**

**Jabatan :**

**Tarikh :**

**SLIP BAYARAN (SEPARUH) CAJ KUARANTIN PADA HARI KE-13**  
(Salinan PKD)

Dikeluarkan oleh: \_\_\_\_\_

NAMA PUS	:	
NO. KAD PENGENALAN / PASSPORT	:	
NO. TELEFON	:	
EMEL	:	
ALAMAT	:	
BAYARAN DIBUAT DI STESEN KUARANTIN / PKD	:	
JUMLAH BAYARAN	:	

**DISAHKAN OLEH:** Saya mengesahkan bahawa PUS ini tidak mampu membayar caj penuh kuarantin.

..... (tanda tangan)

**Nama :**

**Jabatan :**

**Tarikh :**

## LAMPIRAN K

(Kelulusan oleh Menteri Kesihatan)

Permohonan pengecualian bayaran kos kuarantin bagi kes-kes rayuan pengecualian bayaran oleh warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara:

- i) Warganegara yang terkandas di luar negara sehingga kehabisan sumber kewangan dan pulang dari luar negara; dan
- ii) Warganegara yang diberhentikan kerja.

**BORANG PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KES-KES RAYUAN  
PENGECUALIAN BAYARAN OLEH WARGANEGARA YANG TERKANDAS DI LUAR NEGARA  
SEHINGGA KEHABISAN SUMBER KEWANGAN DAN WARGANEGARA YANG  
DIBERHENTIKAN KERJA  
(KELULUSAN MENTERI KESIHATAN)**

BUTIRAN PERIBADI PUS		
NAMA		
NO. KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO. PASSPORT		
JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
NO. TEL		
EMEL		
PASANGAN		
NAMA		
NO. KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO. PASSPORT		
STESEN KUARANTIN (QS)		
TEMPAT KUARANTIN		
TARIKH KEMASUKAN		
<b>PENGAKUAN PEMOHON:</b>		
Semua maklumat yang diberikan pada Borang Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan sekiranya didapati keterangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah <b>TERBATAL</b> .		
*Sila sertakan dokumen pembuktian sepertimana senarai semak dokumen sokongan di lampiran.		
..... <b>(TANDATANGAN PUS)</b>		
NAMA :		
TARIKH :		

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN  
KES-KES RAYUAN PENGECCUALIAN BAYARAN OLEH WARGANEGARA YANG  
TERKANDAS DI LUAR NEGARA SEHINGGA KEHABISAN SUMBER KEWANGAN DAN  
WARGANEGARA YANG DIBERHENTIKAN KERJA**

DOKUMEN	PEMOHON (PUS)	PETUGAS KKM / APM
<p><b>A. Warganegara yang terkandas di luar negara sehingga kehabisan sumber kewangan dan pulang dari luar negara.</b></p> <p>a. Kad pengenalan / passport.</p> <p>b. Dokumen pengesahan pasangan dan anak-anak (sijil nikah / sijil lahir).</p> <p>c. Salinan penyata akaun bank.</p> <p><b>(i) Keluarga</b> Salinan semua penyata akaun bank (3 bulan terkini) termasuk bank yang digunakan untuk pembayaran gaji / salinan semua simpanan PUS dan pasangan.</p> <p><b>(ii) Bujang</b> Salinan semua penyata akaun bank (3 bulan terkini) termasuk bank yang digunakan untuk pembayaran gaji / salinan semua simpanan PUS dan ibu bapa.</p> <p>d. Dokumen pembuktian sekiranya terkandas. Contoh: tiket penerbangan yang telah dibatalkan / resit hotel dsb.</p> <p>e. Lain-lain dokumen sekiranya perlu.</p>	<input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>  <input type="checkbox"/>

PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	LENGKAP	TIDAK LENGKAP
TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA	<p>.....</p> <p>(TANDATANGAN)</p> <p>NAMA : _____</p> <p>TARIKH : _____</p>	

## SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN

DOKUMEN	PEMOHON (PUS)	PETUGAS KKM / APM
<p><b>B. Warganegara yang diberhentikan kerja.</b></p> <p>a. Kad pengenalan / passport.</p> <p>b. Dokumen pengesahan pasangan dan anak-anak (sijil nikah / sijil lahir).</p> <p>c. Salinan surat tawaran kerja dan pemberhentian kerja (tanpa pampasan).</p> <p>d. Salinan permit kerja dan visa.</p> <p>e. Salinan penyata akaun bank.</p> <p><b>(i) Keluarga</b> Salinan semua penyata akaun bank (3 bulan terkini) termasuk bank yang digunakan untuk pembayaran gaji / salinan semua simpanan PUS dan pasangan.</p> <p><b>(ii) Bujang</b> Salinan semua penyata akaun bank (3 bulan terkini) termasuk bank yang digunakan untuk pembayaran gaji / salinan semua simpanan PUS dan ibu bapa.</p> <p>f. Lain-lain dokumen sekiranya perlu.</p>	<input data-bbox="983 416 1083 472" type="checkbox"/> <input data-bbox="983 506 1083 562" type="checkbox"/> <input data-bbox="983 618 1083 674" type="checkbox"/> <input data-bbox="983 730 1083 786" type="checkbox"/> <input data-bbox="983 909 1083 965" type="checkbox"/> <input data-bbox="983 1211 1083 1267" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1230 416 1331 472" type="checkbox"/> <input data-bbox="1230 506 1331 562" type="checkbox"/> <input data-bbox="1230 618 1331 674" type="checkbox"/> <input data-bbox="1230 730 1331 786" type="checkbox"/> <input data-bbox="1230 920 1331 976" type="checkbox"/> <input data-bbox="1230 1223 1331 1279" type="checkbox"/>


PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	LENGKAP	TIDAK LENGKAP
TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA	<p style="text-align: center;">..... (TANDATANGAN)</p> <p>NAMA : TARIKH :</p>	

**BORANG PERMOHONAN TUNTUTAN PULANGAN BALIK BAYARAN  
KOS KUARANTIN DI STESEN KUARANTIN (QS)**

BUTIRAN PERIBADI	
NAMA	
NO. KAD PENGENALAN / NO. PASSPORT	
ALAMAT SURAT MENYURAT	
NO. TELEFON	
E-MEL	
AMAUN TUNTUTAN (RM)	
SEBAB PERMOHONAN	
NO. AKAUN BANK	
NAMA BANK	
ALAMAT BANK	
<p><b>PENGAKUAN PEMOHON:</b>            Saya mengakui bahawa segala maklumat yang diberikan dan dikemukakan dalam borang permohonan ini adalah benar dan mengesahkan tidak pernah menuntut pembayaran sebelum ini dan tidak akan membuat tuntutan yang sama pada masa akan datang.</p> <p align="center">..... (TANDATANGAN PEMOHON)</p> <p>NAMA : TARIKH :</p>	

DOKUMEN WAJIB UNTUK PERMOHONAN TUNTUTAN	
1.	Salinan Kad Pengenalan / Passport
2.	Salinan Penyata Akaun Bank (Terkini)
3.	Resit Bayaran Kos Kuarantin
4.	Surat Kelulusan Pengecualian Caj Kuarantin

## CARTA ALIR PROSEDUR TUNTUTAN BAYARAN BALIK CAJ KUARANTIN\*



\*bagi bayaran balik berjumlah RM1000.00 dan ke atas, dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, KKM

### FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	<p>Seorang pelajar telah tamat pengajian di luar negara pada bulan Mac 2020 dan tidak dapat balik ke Malaysia disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan. Pelajar telah tiba di Malaysia pada bulan Jun 2020 dan mengemukakan pas pelajar yang telah tamat tempoh pada bulan Mac 2020. Adakah pelajar tersebut boleh dikecualikan daripada caj ujian pengesanan COVID-19 di pintu masuk antarabangsa?</p>	<p><b>Ya.</b> Pelajar boleh diberi pengecualian kerana tidak dapat balik ke Malaysia disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan.</p>
2.	<p>Seorang pelajar warganegara Malaysia yang menuntut di luar negara telah balik ke Malaysia bersama keluarga. Adakah keluarga pelajar tersebut boleh dikecualikan daripada caj ujian pengesanan COVID-19 semasa tiba di pintu masuk antarabangsa?</p> <p>Sekiranya keluarga pelajar merupakan B40 adakah keluarga pelajar tersebut dikecualikan daripada caj ujian pengesanan COVID-19?</p>	<p><b>Tidak.</b> Hanya pelajar tersebut sahaja dikecualikan dengan mengemukakan surat / dokumen / pas pelajar.</p> <p>Keluarga pelajar yang terdiri daripada B40 perlu dikenakan caj ujian pengesanan COVID-19.</p>
3.	<p>Pelajar yang telah pulang ke Malaysia dan ingin kembali semula ke luar negara untuk menyambung pelajaran mereka. Adakah caj ujian pengesanan COVID-19 kepada pelajar tersebut dikecualikan?</p>	<p>Pelajar yang ingin kembali semula ke luar negara untuk menyambung pelajaran mereka perlu dikenakan caj pengesanan COVID-19. Pengecualian hanya diberikan bagi pelajar yang pulang ke Malaysia sahaja (pertama kali).</p>
4.	<p>Ali merupakan PUS warganegara berusia 20 tahun pulang dari luar negara bersama ibubapanya yang merupakan golongan B40. Adakah Ali boleh diberi pengecualian caj kuarantin?</p>	<p><b>Tidak.</b> Walaupun ibubapa Ali merupakan individu B40 tetapi Ali tidak layak mendapat pengecualian caj kuarantin kerana sudah berusia 19 tahun dan ke atas. Ali hanya layak diberi pengecualian caj kuarantin sekiranya beliau berusia 18 tahun dan ke bawah dan merupakan tanggungan individu B40.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Individu berikut <b>TIDAK LAYAK</b> mendapat pengecualian caj kuarantin:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Individu yang merupakan anak kepada B40 yang pulang bersama dari luar negara tetapi telah berusia 19 tahun ke atas; dan</li> <li>ii) Individu A yang merupakan anak/isteri/suami kepada individu B40 tetapi individu B40 tersebut <b>TIDAK PULANG</b> bersama individu A dari luar negara atau individu B40 tersebut sudah sedia berada di Malaysia.</li> </ul>
5.	PUS warga asing yang berkongsi bilik dengan pasangan warganegara.	PUS warga asing yang berkongsi bilik dengan pasangan warganegara dikenakan kadar tetap RM150 (seorang/semalam) dan pasangan sebanyak RM50 (seorang/semalam).
6.	<p>PUS telah datang ke Malaysia dengan keluarga. Suami, isteri dan dua orang anak melebihi umur 12 tahun. Pintu masuk antarabangsa telah menjangkakan bahawa mereka akan ditempatkan ke dalam dua bilik berkongsi. Ini bermakna individu pertama dikenakan caj RM150 dan individu kedua dikenakan caj RM50. Jumlah caj sebilik adalah RM150 x 14 hari dan RM50 x 14 hari (RM2,800). Jumlah kutipan kos kuarantin di pintu masuk antarabangsa adalah RM5,600.00.</p> <p>Walau bagaimanapun, semasa tiba di stesen kuarantin, mereka tidak dibenarkan berkongsi bilik kerana tiada bilik yang sesuai. Mereka telah dibenarkan dikuarantinkan di bilik seorang. Maka, jumlah bayaran yang perlu dibayar adalah RM8,400.00. Apakah yang perlu dilakukan oleh keluarga tersebut?</p>	Keluarga tersebut perlu membayar baki bayaran RM2,800.00 lagi kepada pihak hotel. Manakala hotel perlu mengemukakan tuntutan bayaran berjumlah RM5,600.00 kepada pihak SUK.
7.	PUS telah menjelaskan bayaran stesen kuarantin di KLIA dan tiba di hotel yang digazetkan sebagai stesen	Pihak hotel perlu mengemukakan inuis kepada SUK yang mengandungi maklumat PUS, tarikh <i>check in</i> dan tarikh <i>checkout</i> serta dokumen

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	kuarantin. Apakah yang perlu dilakukan oleh pihak hotel untuk menuntut bayaran stesen kuarantin tersebut dari pihak Kerajaan.	sokongan lain sekiranya ada.
4.	Adakah PUS warga asing yang dikuarantinkan dikenakan caj tambahan RM2,600.00?	<p>Semua <b>PUS warga asing</b> termasuk bayi berumur 6 tahun ke bawah perlu dikenakan caj tambahan berjumlah RM2,600.00.</p> <p><b>Bayi warga asing</b> yang berumur di bawah 6 tahun dikecualikan daripada caj stesen kuarantin apabila dikuarantinkan di hotel sahaja. Caj tambahan RM2,600.00 perlu dikutip di pintu masuk antarabangsa.</p> <p>Sekiranya <b>bayi warga asing</b> tersebut dikuarantinkan di ILA, bayi tersebut adalah tertakluk kepada caj penuh RM50.00 sehari dan caj tambahan RM2,600.00.</p>
5.	Bagaimanakah caj yang akan dikenakan kepada <b>pelajar kolej warga asing</b> yang membawa <i>Guarantee Letter</i> (GL)?	<p>Pelajar kolej <b>warga asing</b> yang telah membayar kos kuarantin kepada kolej dan membawa <i>guarantee letter</i> (GL), tidak perlu membuat bayaran kos kuarantin di pintu masuk antarabangsa.</p> <p>IPTA/IPTS boleh membuat pembayaran kepada PKD/Negeri sekiranya pembayaran dilaksanakan melalui wakil. Sekiranya pembayaran masih belum dibuat oleh IPTA/IPTS, PKD yang bertugas di pintu masuk antarabangsa perlu mengemukakan tuntutan kos kuarantin berjumlah RM4,700 seorang kepada kolej tersebut.</p>
6.	Sekiranya <b>pelajar kolej warga asing</b> dikuarantinkan di kolej masing-masing dan segala urusan pengangkutan diuruskan oleh kolej masing-masing, adakah kutipan caj kuarantin perlu dibuat di pintu masuk antarabangsa?	Tiada kutipan perlu dibuat oleh petugas KKM. Pelajar perlu mengemukakan dokumen pembuktian bahawa kolej menyediakan tempat kuarantin serta pengangkutan. Walau bagaimanapun, caj ujian pengesanan COVID-19 perlu dikutip di pintu masuk antarabangsa.
7.	Adakah warga asing yang membawa <i>Guarantee Letter</i> / Surat Tempahan	Warga asing boleh membawa GL syarikat / surat tempahan hotel ( <i>Premium Quarantine Package</i> )

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	Hotel ( <i>Premium Quarantine Package</i> ) untuk dikuarantinkan di hotel premium dibenarkan?	<p>untuk dikuarantinkan di hotel premium.</p> <p>Kutipan kos kuarantin tidak perlu dikutip di pintu masuk antarabangsa. Walau bagaimanapun, caj tetap (pengoperasian stesen kuarantin) sebanyak RM2,600.00 perlu dikutip di pintu masuk antarabangsa.</p>
8.	Adakah kos kuarantin perlu dikutip daripada diplomat asing dan ahli keluarganya?	Diplomat dan ahli keluarganya adalah dikecualikan daripada dikuarantinkan di stesen kuarantin sebaliknya menjalani kuarantin wajib di rumah sahaja. Sehubungan itu, pintu masuk antarabangsa tidak perlu membuat sebarang kutipan daripada diplomat dan ahli keluarga tersebut.
9.	Seorang <i>seafarer</i> akan mendarat di KLIA. Walau bagaimanapun, agen kepada <i>seafarer</i> tersebut berpejabat di Pulau Pinang. Bagaimana kutipan caj ujian pengesanan Covid-19 dan kos kuarantin boleh dibuat sekiranya <i>seafarer</i> tersebut tidak dapat membayar kos tersebut?	<p>Agen kepada <i>seafarer</i> tersebut boleh membuat bayaran di PKD terdekat di Pulau Pinang dan mengemukakan salinan resit bayaran tersebut kepada <i>seafarer</i>. <i>Seafarer</i> tersebut perlu mengemukakan salinan resit bayaran tersebut kepada PKD yang menerima di KLIA dan di stesen kuarantin (hotel).</p> <p>Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) hari sebelum <i>seafarer</i> tersebut berada di KLIA.</p> <p>Petugas di KLIA cuma perlu membuat catatan dan failkan resit bayaran tersebut untuk tujuan semakan audit kelak.</p> <p>Tuntutan bayaran kos kuarantin boleh dibuat oleh pihak hotel kepada pihak SUK yang diselaraskan oleh pihak APM.</p>
10.	Jika seorang PUS transit di KLIA dan destinasi terakhirnya adalah di Sabah / Sarawak adakah kutipan bayaran kos kuarantin dibuat di KLIA atau di	Seorang PUS perlu dikuarantinkan di destinasi pertama sebelum dibenarkan meneruskan perjalanan ke destinasi akhir. Sehubungan itu, kutipan kos kuarantin perlu dibuat di KLIA.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	destinasi terakhir PUS?	Pihak hotel/ ILA di destinasi terakhir di Sabah/ Sarawak akan membuat tuntutan bayaran kepada SUK Negeri masing-masing.
12.	PUS warga asing diarahkan untuk menjalani kuarantin melebihi 14 hari yang ditetapkan atas sebab-sebab tertentu. Adakah caj pengoperasian sebanyak RM2600 perlu dikutip untuk kedua kali?	PUS warga asing hanya perlu membayar caj pengoperasian sebanyak RM2600 sekali sahaja di pintu masuk antarabangsa. Tiada caj pengoperasian tambahan dikenakan.
11.	Adakah warga asing yang menyertai <i>Reciprocal Green Lane</i> (RGL) / <i>Periodic Community Arrangement</i> (PCA) dikenakan caj penuh berjumlah RM4,700.00?	Warga asing di bawah kategori RGL / PCA tidak dikenakan caj penuh RM4700.00 PUS akan dikenakan caj kuarantin sekiranya dikenakan kuarantin wajib oleh pegawai perubatan KKM dan bayaran tersebut akan dikutip oleh pihak hotel. PUS juga dikecualikan dari caj tambahan RM2,600.00.
12.	Adakah warga asing yang pada mulanya menjalani kuarantin wajib di hotel dan dipindahkan ke hospital kerana didapati positif COVID-19 dikenakan caj penuh RM4,700.00?	<p>Warga asing hanya dikenakan caj kuarantin berdasarkan jumlah hari warga asing tersebut dikuarantinkan di hotel tersebut sahaja.</p> <p>Warga asing tersebut boleh membuat tuntutan (<i>refund</i>) daripada hotel sekiranya bayaran tersebut dibuat kepada hotel dan kepada PKD sekiranya bayaran tersebut dibuat kepada PKD.</p> <p>PKD seterusnya perlu mengemukakan tuntutan bayaran balik hasil dengan dokumen yang lengkap kepada Bahagian Kewangan KKM melalui JKN.</p>
13.	Adakah PUS yang dikuarantinkan di hospital perlu dikenakan caj kuarantin dan caj tambahan warga asing?	Tiada caj dikenakan kepada warganegara mahupun warga asing yang ditempatkan di hospital yang digazetkan sebagai stesen kuarantin. Caj tambahan RM2,600.00 juga tidak perlu dikutip daripada PUS warga asing.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
14.	<p>PUS telah menjalani ujian pengesanan COVID-19 di PMA. Walaubagaimanapun semasa di stesen kuarantin, pegawai perubatan telah mengarahkan PUS untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 sekali lagi kerana keputusan ujian pertama didapati meragui/tidak tepat dan sebagainya. Adakah PUS perlu membayar ujian pengesanan COVID-19 yang dibuat kali kedua?</p>	<p>PUS (warganegara dan warga asing) tidak perlu membayar ujian COVID-19 yang dijalani untuk kali kedua.</p>
14.	<p>Sekiranya seorang warganegara yang berkahwin dengan warga asing memasuki Malaysia, bagaimana caj ujian pengesanan COVID-19 dan kos kuarantin yang perlu dikenakan?</p>	<p>Warganegara tersebut akan dikenakan caj ujian pengesanan COVID-19 dan kos kuarantin pada kadar warganegara. Manakala, pasangannya yang bukan warganegara perlu dikenakan caj warga asing bagi kedua-dua caj ujian pengesanan COVID-19 dan kos kuarantin.</p>
15.	<p>Bagaimanakah pengiraan caj bagi <i>Seafarer</i> yang dibenarkan berkongsi bilik di stesen kuarantin?</p>	<p><i>Seafarer</i> yang dibenarkan berkongsi bilik akan dikenakan caj RM100/ RM150 untuk individu pertama dan RM50 untuk individu kedua.</p>